

## **Ucapan Encik Fahmi Aliman untuk Majlis Pelantikan Sahabat Sastera 2024**

**9 Jun 2024**

Dr Azhar Ibrahim, Pengurus, Jawatankuasa Persuratan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)

Ahli-ahli MBMS, Sahabat Sastera, para penggiat seni

Tuan-tuan dan puan-puan

1. Selamat petang dan selamat bertemu kembali.
2. Pada petang yang berbahagia ini, tujuh orang belia akan dilantik sebagai Sahabat Sastera. Saya amat berbesar hati melihat anak-anak muda kita tampil ke hadapan untuk melestarikan sastera Melayu.
3. Sahabat-sahabat Sastera kita dilantik untuk menghayati dan mengulas karya-karya sastera demi memperkasa keupayaan mereka untuk menggerakkan aktiviti sastera di Singapura. Mereka dibimbing oleh MBMS untuk mengedepankan wacana kritis mengenai sastera menerusi esei, komentar dan juga program-program seperti forum dan ceramah.
4. Penting untuk kita membina dan menggerakkan kumpulan seperti ini kerana ia dapat memastikan bahawa landskap sastera kita terus berkembang. Pada satu sisi, kita mempunyai kumpulan sasterawan yang terus mencipta karya sastera. Pada sisi yang lain, kita juga perlu karya sastera dibaca, dihayati, diulas dan dikritik supaya khazanah karya sastera kita terus berkembang. Itulah tugas Sahabat Sastera kita.
5. Inisiatif Sahabat Sastera ini dimulakan sejak tahun 2021 oleh Dr Azhar Ibrahim. Beliau telah banyak membimbang dan memberikan peluang kepada Sahabat-sahabat Sastera untuk tampil berkongsi idea dan pemikiran mereka dalam program-program bahasa dan sastera. Terima kasih Dr Azhar atas kerja keras anda.
6. Ramai antara Sahabat-sahabat Sastera kita terlibat dalam program-program anjuran Lembaga Perpustakaan Negara (NLB), Yayasan Warisan Melayu (MHF), Singapore Writer's Festival (SWF) dan Poetry Festival Singapore (PFS). Mereka juga telah menjelajah ke negara-negara rantau ini untuk menghadiri seminar-seminar Mastera. Kami sangat bangga akan pencapaian ini kerana Singapura dapat melantunkan suara-suara anak muda di peringkat serantau.
7. Kepada Sahabat-Sahabat Sastera yang hadir pada hari ini, kami menggalakkan anda untuk terus membaca dan menilai karya-karya sastera. Suara dan pandangan anda amat penting untuk merancakkan lagi bidang sastera setempat dan di rantau ini.

8. Pada tahun 2025, Singapura akan menjadi tuan rumah bagi Mastera, dan pada tahun 2026 pula kita akan menganjurkan Anugerah Persuratan edisi seterusnya. Setiap orang yang hadir pada hari ini akan memainkan peranan yang penting untuk membantu melaksanakan inisiatif-inisiatif ini.
9. Marilah sama-sama kita bekerjasama demi melestarikan sastera Melayu kita.
10. Tahniah diucapkan kepada Sahabat Sastera yang akan dilantik sebentar lagi, dan kami ucapkan selamat maju jaya kepada anda.